



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

## KPDNHEP keluarkan RM3.67 juta kompaun langgar SOP PKP

**HULU TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM3.67 juta kepada peniaga dan orang awam di seluruh negara atas pelbagai kesalahan gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, kompaun itu melibatkan 764 kes pelbagai kesalahan di premis perniagaan bermula 1 Jun lalu di bawah pelaksanaan PKP dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Sepanjang tempoh itu, KPDNHEP telah melakukan 228,223 pemeriksaan di premis perniagaan di bawah penguatkuasaan pemantauan SOP PKP Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Antara kesalahan direkodkan adalah gagal daftar masuk menggunakan buku dan aplikasi MySejahtera, menjalankan aktiviti tidak dibenarkan, gagal menyedia-



ROSOL

kan penanda jarak satu meter dan tidak memakai pelitup muka," katanya kepada pemberita pada Isnin.

Menurut Rosol, KPDNHEP juga telah menggerakkan lebih 2,000 penguat kuasa bagi memantau operasi sektor perniagaan dan peruncitan di seluruh negara sejak 16 Ogos lalu melalui Ops Samar.

Katanya, ia termasuk pemantauan bagi pematuan SOP untuk kebenaran aktiviti *dine-in* di restoran dan kedai makan seluruh negara, yang ketika ini hanya membenarkan pelanggan lengkap dua dos vaksin Covid-19 untuk makan di premis terbabit.

"Kami terima aduan daripada pengguna ada premis perniagaan yang tidak sediakan kemudahan daftar masuk MySejahtera dan keadaan ini menggusarkan pelanggan.

"Kesan ketidakpatuhan terhadap SOP ini boleh menyusahkan orang ramai. Jadi menerusi Ops Samar kita akan pastikan peniaga dan orang awam patuh pada SOP dan sekiranya gagal, tindakan kompaun boleh dikenakan terhadap mereka," katanya.

## KPDNHEP pantau 20 syarikat besar ladang ayam

**TEMERLOH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memantau 20 syarikat besar pengeluar utama ayam segar bagi menjamin kestabilan harga bahan makanan itu.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Azman Adam berkata, setiap syarikat besar berkenaan yang menjadi indikator industri ayam mempunyai ratusan ladang ternakan ayam membekalkan ayam segar kepada pengguna di negara ini.

Menurutnya, tiada masalah daripada segi bekalan ayam tetapi timbul isu kenaikan harga baru-baru ini rentetan 70 hingga 80 peratus komponen bekalan makanan ayam yang diimport naik harga.

"Bagaimanapun pemantauan rapi setiap masa berkaitan kecukupan bekalan dan harga

termasuk mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar untuk memahami masalah mereka.

"Pada masa sama mereka memahami kedudukan kementerian dan memastikan kepentingan pengguna terjaga serta persaingan sihat dalam perniagaan," katanya ketika ditemui selepas melakukan pemantauan harga ayam di Pasar Besar Mentakab, di sini semalam.

Azman berkata, KPDNHEP sudah mengeluarkan 164 notis semakan harga kepada pemilik premis dan peniaga ayam di seluruh negara sehingga semalam.

"Ini berikutan harga runcit ayam segar mencecah RM11.50 bagi setiap kilogram (kg) minggu lalu. Semua pemilik premis dan peniaga yang menerima notis itu memberi kerjasama baik dan kebanyakannya sudah mula menurunkan

harga runcit ayam di bawah RM10 mulai semalam sekitar RM9.50 sen sekilogram.

"Pihak KPDNHEP akan terus turun padang bersemuka dengan pihak yang mempunyai kaitan dengan (penetapan) harga ayam termasuklah telur di peringkat peladang, pemborong dan juga peniaga runcit demi kepentingan pengguna," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Azman menyarankan orang ramai menggunakan aplikasi 'Price Catcher' untuk membuat perbandingan harga bagi mendapatkan barangan pada harga yang lebih berpatutan.

"Aplikasi itu memaparkan maklumat harga lebih 432 barangan yang dikutip oleh 1,100 Pegawai Pemantau Harga (PPH) di seluruh negara secara harian, mingguan dan bulanan," katanya.



**AZMAN** (dua dari kanan) memantau harga jualan ayam di Pasar Besar Mentakab, Temerloh semalam.

## 20 syarikat pengeluar ayam dipantau, jamin kestabilan harga

**TEMERLOH** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang memantau 20 syarikat pengeluar utama ayam segar di negara ini bagi menjamin kestabilan harga ternakan berkenaan.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Azman Adam berkata, setakat ini tiada masalah berhubung bekalan ayam sebaliknya pemasalahan timbul hanya membabitkan kenaikan komponen bekalan ayam yang diimport.

“Setiap syarikat besar ini yang menjadi indikator industri ayam mempunyai ratusan ladang ter-

nakan membekalkan ayam segar kepada pengguna di negara ini.

“Pemantauan rapi setiap masa dibuat dalam memastikan bekalan mencukupi dan kestabilan harga. Kita juga mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar bagi memahami masalah mereka,” katanya selepas melakukan pemantauan harga ayam di Pasar Besar Mentakab di sini semalam.

Menurut Azman, syarikat terbabit memahami keadaan semasa dan kedudukan kementerian dalam memastikan kepentingan pengguna terjaga serta persaingan sihat dalam perniagaan.

Dalam pada itu beliau berkata, KPDNHEP telah mengeluarkan 164 notis semakan harga kepada pemilik premis dan peniaga ayam di seluruh negara susulan isu kenaikan harga ayam.

Ujarnya, pihaknya akan terus turun padang bersemuka dengan pihak berkaitan termasuk pedagang, pemborong dan peniaga demi kepentingan pengguna.

“Semua pemilik premis dan peniaga yang menerima notis itu didapati memberi kerjasama baik dan kebanyakan mereka sudah mula menurunkan harga runcit ayam di bawah RM10,” ujarnya.



Senarai Harga Barang Keperluan

|                         |        |                |         |                        |         |
|-------------------------|--------|----------------|---------|------------------------|---------|
| • Ayam                  | RM5.99 | • Telur Cred A | RM12.99 | • Cili Merah           | RM10.99 |
| • Daging Lembu Tempatan | RM36   | • Ikan Kembung | RM9.99  | • Gula Pasir           | RM2.80  |
| • Daging Lembu Import   | RM25   | • Minyak Masak | RM6.55  | • Bawang Besar Holland | RM2.89  |
|                         |        |                |         | • Bawang Putih         | RM6.89  |
|                         |        |                |         | • Kubis Bulat Tempatan | RM2.50  |
|                         |        |                |         | • Tepung Gandum        | RM2.20  |

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP